



SIDANG MEDIA

Ahad, 10 Januari 2021

MAJLIS APRESIASI PERDANA DAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-4 PERSATUAN ASTRONOMI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM (PABD)

Persatuan Astronomi Negara Brunei Darussalam (PABD) telah mengadakan Majlis Apresiasi Perdana dan Mesyuarat Agung Tahunan ke-4 yang berlangsung di Higher Hotel, Kiulap. Majlis tersebut telah dihadiri oleh Penasihat PABD, Yang Arif Awang Hj Johar bin Hj Mohammad, Hakim Mahkamah Syarie dan Yang Mulia Dr Haji Norarfan bin Hj Zainal Abidin, Rektor UNISSA. Turut hadir adalah anggota-anggota PABD dan orang awam seramai 40 orang.

Majlis tersebut dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Di Pertua PABD, Yang Mulia Awang Hj Mahadi bin Hj Md Tahir dan dirasmikan oleh ahli Lembaga Penasihat PABD.

PABD telah ditubuhkan pada tahun 2003 dengan objektif untuk mempromosi dan melaksanakan aktiviti yang berkaitan dengan astronomi di negara ini. Pada tahun 2020, PABD telah mengadakan pelbagai aktiviti kepada ahli dan orang awam untuk memberikan peluang kepada masyarakat menyaksikan fenomena astronomi tersebut. Buat julung kalinya juga, PABD telah mengadakan acara *International Observe the Moon Night* dalam bulan Oktober iaitu acara tahunan yang disokong oleh International Astronomical Union (IAU) dan National Aeronautics and Space Administration (NASA). Selain itu, PABD juga telah berjaya menganjurkan cerapan secara talian seperti Pemerhatian Gerhana Matahari Cincin pada 26hb Disember 2019 dari Sri Aman, cerapan Gerhana Matahari Separa pada Jun 2020 dan cerapan fenomena astronomi yang jarang sekali berlaku pada 21hb Disember 2020 Konjungsi Besar Musytari-Zuhal

Mesyuarat Agung Tahunan dimulakan dengan penyampaian anugerah oleh Penasihat Kehormat PABD kepada dua penerima anugerah antarabangsa, iaitu NameExoWorlds Brunei Darussalam 2019 dan Telescopes for All 2020. Sijil Pencapaian yang dianugerahkan oleh International Astronomical Union (IAU) diberikan kepada Pengiran Mohammad Rezal bin Pengiran Hj Osman, kerana memenangi cadangan dalam menamakan bintang "Gumala" dan exoplanet "Mastika", sebahagian daripada kempen nasional yang dianjurkan di Brunei Darussalam bagi Projek IAU100 NameExoWorlds, juga sebahagian daripada perayaan ulang tahun ke-100 International Astronomical Union (IAU100) pada tahun 2019.

Penerima anugerah Telescopes For All seterusnya diberikan kepada Dayang Nur Bazilah bte Zainal Abidin, ahli PABD atas cadangan Making Space for All (MASA) telah dianjurkan oleh International Astronomical Union (IAU) pada Jun 2020. Projek MASA tersebut bertujuan untuk mewujudkan persekitaran yang inklusif bagi mempromosikan keselamatan bagi wanita dan memberikan akses kepada individu yang berkemampuan berbeza dalam bidang astronomi dan aktiviti yang berkaitan dengannya.

Penyampaian Sijil Penghargaan juga telah diberikan kepada tujuh anggota PABD atas sumbangan luar biasa mereka kepada masyarakat dan kepada sebelas anggota Jawatankuasa Eksekutif PABD atas perkhidmatan mereka yang sangat baik dalam mengendalikan kerja-kerja kemasyarakatan.

Mesyuarat Agung Tahunan tersebut diakhiri dengan pelantikan Jawatankuasa Eksekutif PABD baru dan cadangan aktiviti PABD untuk tahun 2021. Sebelas anggota Jawatankuasa Eksekutif PABD yang baru dipilih untuk sesi 2021/2022 adalah:

- (a) Yang Dipertua: Awang Hj Mahadi bin Hj Md Tahir
- (b) Naib Yang Dipertua: Hj Abdul Aziz bin Hj Akop
- (c) Setiausaha Agung: Hazarry bin Hj Ali Ahmad
- (d) Timbalan Setiausaha I: Pg Shahdani bin Pg Anom
- (e) Timbalan Setiausaha II: Dr Hj Md Hussain bin Pehin Penyurat Hj Ahmad
- (f) Bendahari Agung: Shaifulbahri bin Haji Ahmad
- (g) Lima (5) orang ahli Eksekutif Biasa (Exco):
 - 1. Md Qawien bin Hj Md Jamil
 - 2. Loo Kuan Look
 - 3. Mohammad Hussaini bin Ali Hassan
 - 4. Nur Bazilah binti Zainal Abidin
 - 5. Farah Laila Nabilah binti Abdullah Chia

Terdapat beberapa fenomena astronomi yang sangat mengagumkan akan berlaku pada Tahun 2021 ini seperti gerhana bulan penuh pada 26 Mei 2021 dan fenomena penghijaban planet Marikh oleh Bulan. Dalam perkara ini, PABD akan sentiasa berusaha untuk memberikan peluang kepada orang ramai untuk memerhati kejadian alam tersebut. Maklumat bagi kegiatan astronomi dan orang ramai yang berminat untuk menyertai PABD sebagai ahli boleh melayari laman sesawang www.bruneiastronomy.org.

Disediakan oleh:
Dr Roslyna Rosli
Norjannah Mahmud